

Pemupukan Pendidikan Keusahawanan dalam diri Kanak-kanak Melalui Aktiviti Bermain di Tadika: Satu Tinjauan Literatur

(Fostering Entrepreneurial Education in Children through Play Activities in Kindergarten: A Literature Review)

Naldo Janius^{1*} 

¹North Borneo University College, Wisma Angkatan Hebat, One Borneo Mall, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: naldo@nbuc.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Naldo Janius

(naldo@nbuc.edu.my)

KATA KUNCI:

Pemupukan Pendidikan Keusahawanan Kanak-kanak Bermain di Tadika

KEYWORDS:

Fostering Education
Child Entrepreneurship
Play in Kindergarten

CITATION:

Naldo Janius. (2023). Pemupukan Pendidikan Keusahawanan dalam diri Kanak-kanak Melalui Aktiviti Bermain di Tadika: Satu Tinjauan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002306. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2306>

ABSTRAK

Memperkenalkan pendidikan dan nilai keusahawanan sejak kecil merupakan salah satu usaha terpenting dalam membentuk watak generasi akan datang, terutamanya kanak-kanak yang akan tumbuh dewasa. Pembelajaran keusahawanan dalam kalangan kanak-kanak lebih menjurus kepada didikan tingkah laku dan mental kanak-kanak bagi membentuk perwatakan kanak-kanak yang mantap seperti kreatif, berdisiplin, kritis, mampu menyelesaikan masalah, mampu berkomunikasi, menghargai masa, mengawal diri, dan sebagainya. Dalam pembelajaran pendidikan keusahawanan di peringkat awal, ianya bukan sahaja usaha pembentukan kognitif dengan memaklumkan kanak-kanak tentang definisi, faedah, dan cara keusahawanan tetapi juga dapat mengintegrasikannya melalui tema dalam kurikulum yang digunakan. Penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti faedah pelaksanaan pendidikan keusahawanan terhadap kanak-kanak, untuk mengenalpasti jenis aktiviti pengajaran sambil bermain yang boleh digunakan untuk memupuk keusahawanan dalam diri kanak-kanak serta untuk mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sambil bermain terhadap pemupukan pendidikan keusahawanan dalam diri kanak-kanak yang diharap mampu membentuk dan melahirkan kanak-kanak yang berkualiti dan menjadi model penting kepada guru, masyarakat dan negara amnya.

ABSTRACT

Introducing education and entrepreneurial values from an early age is one of the most important efforts in shaping the character of the next generation, especially children who will grow up. Entrepreneurship learning among children is more geared towards children's behavioral and mental education to form strong children's character such as creative, disciplined, critical, able to solve problems, able to communicate, appreciate time, self-control, and so on. In learning entrepreneurship education in the early stages, it is not only a cognitive formation effort by informing

children about the definition, benefits, and ways of entrepreneurship but also being able to integrate it through themes in the curriculum used. This writing aims to identify the benefits of implementing entrepreneurship education for children, to identify the types of play-based teaching activities that can be used to foster entrepreneurship in children as well as to identify the effectiveness of teaching and learning while playing in fostering entrepreneurship education in children who are expected to be able to form and give birth to quality children and become important models for teachers, society and the country in general..

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur berkaitan faedah yang diperoleh oleh para kanak-kanak melalui pemupukan pendidikan keusahawanan dalam diri kanak-kanak melalui aktiviti bermain.

1. Pengenalan

Keusahawanan merupakan sesuatu tingkah laku mahupun perbuatan yang dilakukan untuk mendapatkan keuntungan dari segi wang ataupun yang dipanggil sebagai perniagaan. Apabila disebut tentang keusahawanan ini, maka, ianya melibatkan tentang pengiraan ataupun matematik. Elemen kreativiti dan inovasi, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) serta STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) antara elemen penting yang menjadi pendekatan di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Ianya merupakan kebolehan mencipta sesuatu yang baharu dan berbeza melalui pemikiran kreatif dan tindakan inovatif untuk mencipta peluang (Zaini et al., 2022).

Sebelumnya, keusahawanan ini dianggap hanya melalui pengalaman langsung di dalam bidang itu dan ianya merupakan bakat semula jadi di mana keusahawanan tidak boleh dipelajari dan diajar. Namun begitu, pada masa kini, pemahaman itu telah berubah. Keusahawanan adalah satu disiplin yang berasingan kerana ia mengandungi satu badan pengetahuan yang lengkap dan sebenar yang mempunyai objek, konsep dan kaedah. (Domanski, Howaldt & Kaletka, 2020). Keusahawanan ini telah berkembang dengan pesat. Pada mulanya, keusahawanan diterapkan dalam bidang perdagangan, tetapi kemudian berkembang dalam bidang lain seperti industri, kerajaan, kesihatan, dan pendidikan.

Keusahawanan telah menjadi teras di dalam mencipta perubahan, pembaharuan dan kemajuan. Di dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, keusahawanan bertujuan untuk memupuk semangat keusahawanan dalam diri pelajar agar pada masa hadapan dapat melahirkan usahawan. Namun begitu, pengintegrasian pendidikan keusahawanan dalam proses pembelajaran itu sendiri merupakan penghayatan nilai-nilai keusahawanan dalam aktiviti pembelajaran. Menurut Suzanti dan Maesaroh (2017) nilai yang dibangunkan dalam pendidikan keusahawanan adalah pembangunan nilai daripada ciri-ciri usahawan yang harus dimiliki oleh kanak-kanak. Sebahagian daripada nilai-nilai keusahawanan bersama-sama dengan huraian mereka akan disepadukan melalui pendidikan keusahawanan.

Oleh hal yang sedemikian, guru tadika hendaklah memberikan pengajaran keusahawanan di dalam diri kanak-kanak kerana terdapat banyak manfaat serta nilai-nilai yang akan diperoleh melalui pendidikan keusahawanan. Namun, untuk

memperkenalkan pendidikan keusahawanan ini tidaklah susah kerana ianya memerlukan minat serta perhatian kanak-kanak tersebut untuk mengikuti pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru. Oleh sebab itu, guru hendaklah memikirkan kaedah yang mampu menarik minat kanak-kanak untuk meminati serta mengikuti pembelajaran dengan baik seperti menggunakan kaedah pengajaran sambil bermain.

1.1 Latar Belakang Masalah Kajian

Memperkenalkan keusahawanan kepada kanak-kanak merupakan sesuatu yang tepat dan ianya bersesuaian diperkenalkan di awal peringkat umur mereka (Bisanz, Hueber, Lindner & Jambor, 2019). Hal ini dikatakan sedemikian kerana pada peringkat ini, mereka akan dengan mudah faham serta dapat menerapkan keusahawanan tersebut sewaktu dewasa. Dengan memperkenalkan serta memberi tunjuk ajar berkaitan keusahawanan ini kepada kanak-kanak, mereka akan mendapatkan pelbagai manfaat yang mampu mengembangkan pelbagai aspek di dalam diri mereka. Namun, walaupun ianya mempunyai pelbagai manfaat kepada kanak-kanak, namun pendidikan ini kurang diberikan atau tidak diberikan keutamaan kepada kanak-kanak di Tadika seperti yang ditulis oleh Nawang dan Mamat (2019) yang menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan memperkenalkan budaya keusahawanan melalui mata pelajaran matematik dan mulai disemai seawal sekolah rendah. Pernyataan ini menunjukkan bahawa kanak-kanak di Tadika kurang diberikan penekanan terhadap penerapan keusahawanan di dalam diri kanak-kanak.

Tambahan pula, guru di tadika mempunyai pengetahuan yang kurang berkaitan keusahawanan yang menyukarkan diri mereka untuk memberikan pengajaran yang berkesan kepada kanak-kanak. Pernyataan ini disokong oleh dapatan kajian yang ditulis oleh Ab Hassan (2021) yang menyatakan dalam dapatan kajiannya bahawa guru mempunyai pengetahuan yang sangat terhad terhadap keusahawanan. Menurut mereka, keusahawanan ini hanya difahami oleh golongan-golongan yang mengambil kursus berkaitan bisnes serta kemahiran ini hanya boleh dilakukan melalui pelaburan yang besar. Di samping itu juga, mereka menyatakan bahawa tidak mudah untuk memperkenalkan keusahawanan ini kepada kanak-kanak kerana mereka berpendapat bahawa kanak-kanak akan mempunyai kesukaran untuk memahami pengajaran yang diajar. Oleh hal yang sedemikian, walaupun para guru sedar akan kelebihan menerapkan keusahawanan ini kepada kanak-kanak, namun mereka tidak dapat melaksanakannya disebabkan kurangnya pengetahuan tentang keusahawanan kerana takut kanak-kanak akan keliru serta pembelajaran yang dilaksanakan kurang berkesan (Hassan, Kasim & Yaacob, 2022). Namun, mereka juga menyatakan bahawa mereka akan mencuba sedaya upaya untuk memahami dengan lebih baik tentang keusahawanan ini agar dapat memberikan kepentingan serta kebaikan kepada anak murid mereka.

Di samping itu juga, bagi menerapkan keusahawanan kepada kanak-kanak, guru hendaklah memahami perkembangan kanak-kanak yang diajar kerana ianya akan menentukan keberkesanan pembelajaran tersebut kepada kanak-kanak. Namun terdapat permasalahan yang berlaku yang menyebabkan penerapan keusahawanan kepada kanak-kanak tidak dapat diterapkan kerana didapati segelintir guru tidak mempunyai pengetahuan atau kemahiran di dalam memahami perkembangan yang sesuai untuk kanak-kanak yang menyebabkan guru tersebut melaksanakan pengajaran yang berkaitan dengan nombor dengan terus mengajar simbol nombor tanpa menunjukkan contoh yang sesuai untuk kanak-kanak atau tanpa mengaitkan nombor-nombor tersebut dengan sekeliling mereka (Pebriyanti, Sari & Imran, 2022). Hal ini berlaku kerana,

segelintir guru masih tidak faham akan perkembangan atau pengajaran yang bersesuaian untuk kanak-kanak. Disebabkan perkara tersebut, kanak-kanak akan menghadapi kesukaran di dalam mengaitkan nombor di dalam kehidupan seharian mereka kerana pembelajaran tersebut adalah pembelajaran yang formal tanpa mengaitkan pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak tersebut. Apabila kanak-kanak sukar mengaitkan nombor dengan kehidupan seharian mereka mahupun keadaan yang sebenar, penerapan terhadap keusahawanan sukar dilaksanakan kerana di dalam keusahawanan pengetahuan terhadap nombor adalah amat penting.

Di samping itu juga, tahap kesediaan guru juga agak kurang yang menyebabkan mereka agak sukar untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Perkara ini telah disebut di dalam kajian yang dijalankan oleh [Musa, Abd Karim, Adenan, Tarmizi, Junus dan Kelong \(2021\)](#) menyatakan bahawa tahap kesediaan guru di dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran adalah berada di tahap sederhana. Hal ini bermaksud guru masih lagi belum bersedia dengan sepenuhnya di dalam melaksanakan pengajaran dengan baik. Kesediaan guru ini bermaksud kebolehan seorang guru untuk memikul tanggungjawab di dalam menyediakan pengajaran dan pembelajaran dengan baik serta mempunyai pengetahuan, kemahiran mahupun sikap yang tinggi agar dapat menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang mampu meningkatkan perkembangan kanak-kanak.

Apabila tahap kesediaan guru adalah kurang, hal ini akan menyukarkan guru untuk menyediakan bahan pengajaran yang baik di dalam memperkenalkan keusahawanan kepada kanak-kanak dan juga mereka akan mengalami kesukaran di dalam mengeluarkan idea untuk menjalankan pengajaran yang terbaik serta mempunyai kesukaran untuk menjalankan aktiviti yang sesuai dengan matlamat pengajaran seperti pengajaran yang mampu memupuk keusahawanan kanak-kanak. Kesediaan mengajar guru ini amat penting agar guru merupakan seseorang yang akan menentukan kualiti pengajaran kanak-kanak tersebut sama ada mampu membantu perkembangan kanak-kanak tersebut ataupun tidak.

1.2. Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian utama telah dikenal pasti adalah seperti berikut.

- i. Mengenal pasti faedah pendidikan keusahawanan terhadap kanak-kanak
- ii. Mengenal pasti jenis aktiviti pengajaran sambil bermain yang boleh digunakan untuk memupuk keusahawanan dalam diri kanak-kanak
- iii. Mengenal pasti keberkesanan pengajaran sambil bermain terhadap pemupukan keusahawanan dalam diri kanak-kanak.

2. Kajian Literatur

2.1. Faedah Pendidikan Keusahawanan Terhadap Kanak-Kanak

Berdasarkan kajian yang ditulis oleh [Zaini \(2023\)](#) beliau ada menyatakan bahawa keusahawanan di dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak (Taska dan Tadika) sudah sering mendapatkan perhatian yang meluas daripada pelbagai pihak. Hal ini mungkin berlaku kerana beberapa masyarakat sudah peka bahawa pendidikan keusahawanan ini mampu memberikan manfaat serta kelebihan kepada kanak-kanak. [Zaini \(2023\)](#) mengulas bahawa perhatian yang cukup tinggi adalah selaras dengan kesedaran umum

tentang peranan dan sumbangan industri awal kanak-kanak (taska dan tadika) kepada pembangunan ekonomi negara secara menyeluruh. Para masyarakat peka dan sedar bahawa dengan memberikan pengajaran keusahawanan kepada kanak-kanak, ianya mampu untuk membantu kepada pembangunan ekonomi negara secara menyeluruh.

Hal ini dikatakan sedemikian, mungkin kerana apabila keusahawanan diterapkan di awal usia kanak-kanak, mereka akan lebih faham dan mempunyai pengetahuan yang tinggi kerana mereka sudah diberikan pengetahuan berkaitan dengan keusahawanan sejak kecil lagi. Justeru itu, apabila mereka melanjut dewasa, mereka akan menghasilkan jualan adalah melaksanakan perniagaan dengan cekap dan baik dimana ianya mampu untuk membantu membangunkan ekonomi negara. Penerapan keusahawanan terhadap kanak-kanak bukan sahaja mampu memberikan manfaat kepada ekonomi negara tetapi ianya juga mampu memberikan manfaat kepada kanak-kanak itu sendiri. Berdasarkan kajian yang ditulis oleh [Suzanti dan Maesaroh \(2017\)](#), keusahawanan kanak-kanak mampu membantu kanak-kanak meningkatkan nilai-nilai di dalam diri kanak-kanak tersebut. Antara nilai yang diperoleh oleh kanak-kanak seperti yang ditulis oleh [Suzanti dan Maesaroh \(2017\)](#) ialah kanak-kanak akan mempunyai tingkah laku yang lebih berdikari tanpa mengharapkan bantuan dengan orang lain.

Hal ini berlaku kerana aspek di dalam pendidikan keusahawanan ini adalah membiarkan kanak-kanak tersebut untuk menjalankan aktiviti keusahawanan dengan pantauan guru. Maksudnya guru hanya sebagai pembimbing kanak-kanak tersebut dan kanak-kanaklah yang akan melaksanakan pengajaran yang diajar oleh guru tersebut. Oleh sebab itu, di dalam memupuk keusahawanan di dalam diri kanak-kanak, ianya juga akan dapat memupuk tingkah laku yang lebih berdikari di dalam diri kanak-kanak tersebut ([Loderup, et al., 2021](#)). Di samping itu juga, di dalam jurnal tersebut juga, pengkaji juga menyatakan melalui pendidikan keusahawanan ini, kanak-kanak akan berpeluang untuk mengaplikasikan kreativiti yang mereka miliki di dalam aktiviti keusahawanan yang dilaksanakan oleh guru. Oleh hal yang sedemikian, kanak-kanak juga akan dapat mengembangkan kreativiti mereka dengan baik melalui penyertaan aktiviti keusahawanan ([Ismadi, Raman & Amiruddin, 2021](#)).

Menurut [Zaini \(2023\)](#) pengajaran keusahawanan sebagai sebahagian daripada kurikulum sekolah memberi tumpuan kepada membangunkan kemahiran dunia sebenar yang akan membantu pelajar memimpin kehidupan yang luar biasa dalam dunia yang berubah dengan pantas. Selain itu, nilai tersebut mengajar kanak-kanak kemahiran hidup penting seperti penyelesaian masalah, empati, cara bekerjasama dan bekerja dengan pasukan, cara menggunakan rasa ingin tahu dan kreativiti serta belajar menerima kegagalan sebagai sebahagian daripada proses pertumbuhan ([Janius, Ishar, Bang, Sid & Wong, 2023](#)). Lebih awal mereka diperkenalkan dengan dunia perniagaan, lebih besar impak yang boleh mereka lakukan.

2.2. Jenis Aktiviti Pengajaran Sambil Bermain

Untuk memupuk sifat serta watak keusahawanan di dalam diri kanak-kanak seperti yang diharapkan, guru perlu mengambil kira berkaitan prinsip yang berkaitan dengan kanak-kanak seperti kanak-kanak perlu membina pengetahuan mereka sendiri. Kanak-kanak mendapatkan pengetahuan melalui apa yang mereka lalui dan menerapkannya di dalam diri mereka ([Papavlasopoulou, Giannakos & Jaccheri, 2019](#)). Oleh hal yang sedemikian, berkemungkinan kaedah pembelajaran berdasarkan belajar sambil bermain merupakan kaedah yang sesuai untuk digunakan di dalam memastikan pengajaran dan

pembelajaran yang dijalankan untuk memberikan pengenalan berkaitan dengan keusahawanan berkesan. Oleh hal yang sedemikian, terdapat banyak aktiviti pengajaran sambil bermain yang boleh dijalankan oleh para guru bagi memupuk serta meningkatkan minat kanak-kanak untuk belajar berkaitan dengan keusahawanan.

Cadangan aktiviti bermain sambil belajar untuk memupuk keusahawanan di dalam diri kanak-kanak telah ditulis oleh [Rina, Murtini dan Indriayu \(2019\)](#) di dalam jurnalnya iaitu salah satu aktiviti yang boleh digunakan untuk membangunkan semangat keusahawanan di dalam diri kanak-kanak ialah dengan mengadakan aktiviti bermain jual-jualan. Beliau menamakan aktiviti tersebut sebagai hari pasaria. Di dalam aktiviti ini, kanak-kanak akan diarahkan untuk mencipta barangan mereka sendiri mengikut idea-idea kanak-kanak tersebut. Hasil daripada ciptaan kanak-kanak tersebut, guru akan mengarahkan mereka untuk pura-pura menjual dengan rakan-rakan mereka. Dalam erti kata lain, kanak-kanak diarahkan untuk menjalankan perniagaan secara simulasi dimana pendekatan atau elemen pengajaran bermain sambil belajar dimasukkan. Melalui aktiviti ini, kanak-kanak akan dapat pendedahan berkenaan dengan keusahawanan.

Seterusnya ialah di dalam jurnal yang ditulis oleh [Hameed dan Irfan \(2019\)](#) pelbagai aktiviti belajar sambil bermain untuk memupuk keusahawanan dalam diri kanak-kanak dimasukkan di dalam jurnal tersebut. Antara aktiviti belajar sambil bermain yang dilaksanakan di dalam jurnal beliau ialah dengan menjalankan aktiviti membuat satay buah bersama kanak-kanak. Aktiviti yang dijalankan ini hampir sama dengan aktiviti yang ditulis oleh pengkaji sebelumnya iaitu [Rina, Murtini dan Indriayu \(2019\)](#), namun perbezaannya adalah kanak-kanak diberikan arahan yang lebih spesifik hasil yang akan dibuat oleh kanak-kanak iaitu dengan membuat satay daripada buah. Hasil daripada satay buah yang dihasilkan kanak-kanak tersebut, mereka akan diarahkan untuk menjual hasil mereka kepada rakan-rakan mereka. Guru menilai aktiviti yang telah dilakukan melalui soalan yang diberikan kepada setiap orang pelajar. Pada masa itu ia kelihatan bahawa kanak-kanak dapat menjawab dengan kuat dengan penuh semangat. Di dalam ini bahagian, nampaknya juga terdapat beberapa usaha dibuat oleh guru dalam membina keberanian kanak-kanak.

2.3. Keberkesanan Pengajaran Sambil Bermain Terhadap Pemupukan Keusahawanan dalam Diri Kanak-Kanak

Kajian yang dijalankan oleh [Aslam \(2021\)](#) yang berkaitan dengan keberkesanan Modul belajar melalui bermain membuktikan bahawa pengajaran dan pembelajaran tersebut memberi keberkesanan kepada kanak-kanak terhadap pemahaman mereka dalam pembelajaran di mana di dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji tersebut, hasil menunjukkan bahawa peningkatan pemahaman kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran adalah meningkat disebabkan oleh kaedah pembelajaran yang berteraskan pengajaran sambil bermain. Penemuan yang dialporkan oleh pengkaji dalam kajiannya, memperlihatkan bahawa kaedah pengajaran sambil bermain ini adalah penting dan merupakan salah satu cara yang boleh digunakan oleh setiap guru jika ingin memupuk semangat keusahawanan di dalam diri kanak-kanak tersebut ([Fadel, Ishar, Jabor, Ahyan & Janius, 2022](#)). Walaupun kaedah belajar sambil bermain ini mampu meningkatkan kefahaman kanak-kanak di dalam suatu pembelajaran, namun guru memainkan peranan yang penting bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berkesan dimana guru perlu merancang aktiviti ini dengan baik dan merancang dengan baik dan sistematik sesuai dengan matlamat pengajaran yang ingin disampaikan. Oleh hal yang sedemikian, pemupukan keusahawanan dalam diri kanak-kanak boleh dipupuk dengan

menggunakan kaedah belajar sambil bermain kerana berdasarkan kajian, kaedah atau pendekatan ini mampu meningkatkan kefahaman kanak-kanak terhadap sesuatu pembelajaran.

Di samping itu juga, terdapat pelbagai faedah bermain dalam perkembangan kanak-kanak. Antara faedah yang dinyatakan oleh penulis ialah ianya akan meningkatkan kesihatan fizikal kanak, mampu membantu mereka bersiap sedia apabila mengalami sesuatu konflik, mampu meningkatkan koordinasi psikomotor kanak-kanak dan banyak lagi. Oleh hal yang sedemikian, kaedah pembelajaran sambil bermain merupakan kaedah yang terbaik yang boleh digunakan guru untuk memupuk keusahawanan dalam diri kanak-kanak. Kajian [Paris dan Mohamed \(2019\)](#) menjelaskan bahawa tahap pelaksanaan serta keberkesanan pendekatan belajar sambil bermain ini adalah berada pada tahap tinggi. Justeru itu, guru tidak perlu was-was berkaitan keberkesanan kaedah belajar sambil bermain ini di dalam memupuk keusahawanan dalam diri kanak-kanak.

3. Perbincangan

Untuk memupuk sifat serta watak keusahawanan di dalam diri kanak-kanak seperti yang diharapkan, guru perlu mengambil kira berkaitan prinsip yang berkaitan dengan kanak-kanak seperti kanak-kanak membina pengetahuan mereka sendiri. Kanak-kanak mendapatkan pengetahuan melalui apa yang mereka lalui dan menerapkannya di dalam diri mereka ([Janius, Ishar, Yusof, Bang, Sid, & Wong, 2023](#)). Oleh hal yang sedemikian, berdasarkan perkara yang telah dijelaskan sebelumnya kaedah pembelajaran berdasarkan belajar sambil bermain merupakan kaedah yang sesuai untuk digunakan di dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan untuk memberikan pengenalan berkaitan dengan keusahawanan berkesan.

Berdasarkan perkara yang telah dijelaskan pada penulisan ini, kita dapat melihat bahawa keusahawanan perlu diterapkan di dalam kalangan kanak-kanak kerana terdapat banyak kelebihan atau manfaat yang akan diberikan bukan kepada kanak-kanak tersebut namun ianya juga memberikan kelebihan kepada ekonomi negara apabila kanak-kanak tersebut berlanjut dewasa kerana dimana mereka mampu membawa negara ke mata dunia. Oleh hal yang sedemikian, bagi memastikan setiap kanak-kanak mendapatkan pendidikan berkaitan dengan keusahawanan, pihak yang bertanggungjawab serta yang berkaitan hendaklah dengan perkara ini dimana pihak sekolah berperanan untuk menyediakan prasarana yang berkaitan agar memudahkan para guru untuk melaksanakan pendidikan terhadap keusahawanan ini agar ianya dapat diterapkan secara optimum. Di samping itu juga, guru berperanan untuk meningkatkan pengetahuan dengan lebih mendalam berkaitan dengan keusahawanan dengan mengikuti seminar ataupun bengkel yang berkaitan. Dengan ini guru akan mampu menerapkan keusahawanan ini kepada kanak-kanak dengan cara yang berkesan.

4. Kesimpulan

Kesimpulannya, menanamkan semangat keusahawanan dalam diri kanak-kanak juga boleh dilakukan dari perkara sekecil-kecil dan mudah yang hampir dengan kehidupan kanak-kanak dengan bergantung kepada hobi, kreativiti dan imaginasi anak-anak dan juga sokongan serta tunjuk ajar daripada ibu bapa, anak-anak dapat lebih fokus dalam mencipta sesuatu yang boleh berguna untuk orang lain dan menguntungkan diri sendiri. Akhir kata, saya berharap penulisan ini mampu membantu guru di dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan kepada kanak-kanak berkaitan pemupukan keusahawanan

dalam diri kanak-kanak dan mampu memberikan kesedaran kepada semua masyarakat betapa pentingnya penerapan keusahawanan ini di dalam diri kanak-kanak.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Ucapan ini ditujukan khas kepada ibu bapa dan keluarga yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak. Saya amat menghargai segala bantuan yang telah diberikan kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua kajian ini mungkin tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

Kewangan (*Funding*)

Proses penyelidikan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak. Begitupun, yuran penerbitan kajian ditanggung sepenuhnya oleh North Borneo University College (tempat berkhidmat).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Ab Hassan, Z. (2021). *Sinergi Keusahawanan Cawangan Melaka*. Unit Keusahawanan, PJI, UiTM Cawangan Melaka.
- Aslam, R. (2021). Entrepreneurship skills among young learner through play strategy: a qualitative study. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 9(2), 64-74.
- Bisanz, A., Hueber, S., Lindner, J., & Jambor, E. (2019). Social Entrepreneurship Education in Primary School: Empowering Each Child with the YouStart Entrepreneurial Challenges Programme. *Discourse and Communication for Sustainable Education*, 10(2), 142-156.
- Domanski, D., Howaldt, J., & Kaletka, C. (2020). A comprehensive concept of social innovation and its implications for the local context—on the growing importance of social innovation ecosystems and infrastructures. *European Planning Studies*, 28(3), 454-474.
- Fadel, N. S. M., Ishar, M. I. M., Jabor, M. K., Ahyar, N. A. M., & Janius, N. (2022). Application of Soft Skills Among Prospective TVET Teachers to Face the Industrial Revolution 4.0. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(6), e001562-e001562.
- Hameed, I., & Irfan, Z. (2019). Entrepreneurship education: a review of challenges, characteristics and opportunities. *Entrepreneurship Education*, 2, 135-148.
- Hassan, S. S., Kasim, N. M., & Yaacob, M. R. (2022). Transformasi Kepimpinan Keusahawanan Dalam Pendidikan Abad Ke-21. *ICELAM*, 2(2-12), 33-49.
- Ismadi, F. N., Raman, G., & Amiruddin, S. (2021). BSTEM sebagai Alat Bantuan Pembelajaran Kanak-Kanak Prasekolah: Kerangka Konseptual. *Selangor Humaniora Review*, 5(1), 291-302.
- Janius, N., Ishar, M. I. M., Yusof, Y., Bang, P., Sid, R., & Wong, G. (2023). Belajar Sambil Bermain di dalam Kelas Pada Peringkat Pendidikan Awal Kanak-Kanak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002248-e002248.

- Janius, N., Ishar, M. I. M., Bang, P., Sid, R., & Wong, G. (2023). The Effects of Music towards the Mathematical Language Development of Children. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002249-e002249.
- Loderup, C. L., Timmons, J. E., Kimball, E. R., Hill, E. J., Marks, L. D., & LeBaron, A. B. (2021). How do parents teach their children about work? A qualitative exploration of household chores, employment, and entrepreneurial experiences. *Journal of Family and Economic Issues*, 42, 73-89.
- Musa, R. T., Abd Karim, N. S., Adenan, N. H., Tarmizi, R. A., Junus, N. W. M., & Kelong, V. E. A. (2021). Tahap kesediaan Guru Pelatih Matematik UPSI dalam melaksanakan PAK21: The level of readiness on the implementation of PAK21 among pre-services Mathematics teachers at UPSI. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14, 82-91.
- Nawang, W. M., & Mamat, I. (2019). Faktor-faktor penentu kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Akademika*, 89(2), 50-63.
- Papavlasopoulou, S., Giannakos, M. N., & Jaccheri, L. (2019). Exploring children's learning experience in constructionism-based coding activities through design-based research. *Computers in Human Behavior*, 99, 415-427.
- Paris, A. H. M., & Mohamed, S. (2019). Pelaksanaan Pendekatan Belajar Melalui Bermain Terhadap Pencapaian Kemahiran Asas Membaca Murid-Murid Prasekolah. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 153-159.
- Pebriyanti, D., Sari, R. P., & Imran, R. F. (2022). Analisis Pemecahan Masalah Belajar Aud Selama Masa Pandemi Covid 19. *Early Childhood Research and Practice*, 3(01), 18-22.
- Rina, L., Murtini, W., & Indriayu, M. (2019). Entrepreneurship Education: Is It Important for Middle School Students? *Dinamika Pendidikan*, 14(1), 47-59. <https://doi.org/10.15294/dp.v14i1.1512>.
- Suzanti, L., & Maesaroh, S. (2017). Entrepreneurship Learning for Early Childhood. In *Proceedings of the 2nd International Conference on Economic Education and Entrepreneurship (ICEEE 2017)*, (pp. 403-410).
- Zaini, M. S., Masnan, A. H., Zain, A., Dzainuddin, M., Habidin, N. F., Hanafi, H. F., & Abdul, M. N. (2022). A Systematic Review: Entrepreneurship Education for Kindergarten Children in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(2), 1019- 1027.
- Zaini, M. S. (2023). Needs Analysis: Development of Children's Entrepreneurship Education Module Through Play Method: Analisis keperluan: Pembangunan Modul Pendidikan Keusahawanan Kanak-kanak melalui Kaedah Bermain. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 12(1), 58-69.